

[Halaman Utama](#) » [Nasional](#) » Platform induk digital kawal keselamatan siber

## Platform induk digital kawal keselamatan siber

© 2020-07-13T13:25:13+08:00



Grafik hiasan

KUALA LUMPUR: Berikutan peningkatan kes penggodaman yang berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerajaan akan membangunkan satu platform induk digital atau *master* digital platform bagi memastikan keselamatan siber dikawal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata platform tersebut akan dilancarkan dalam tempoh lima tahun lagi.

"Kami dalam peringkat pembangunan dan akan dilancarkan dalam tempoh lima tahun. Ia akan diwujudkan melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia) (MAMPU).

"Memang betul kami terima maklumat hari ini, lebih kurang 80 peratus serangan siber, tapi itu melibatkan saringan daripada CyberSecurity Malaysia. Kami sentiasa menyiasat kes-kes ancaman siber ini menerusi agensi keselamatan lain," katanya ketika sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Pandan) yang bertanya mengenai persediaan dan tindakan yang diambil dalam menangani dan mengukuhkan keselamatan siber negara hingga ke peringkat individu.

Dalam pada itu, Mohd Redzuan menyangkal dakwaan aplikasi MySejahtera itu dibangunkan oleh syarikat luar negara memandangkan aplikasi itu dibangunkan oleh syarikat kepakaran tempatan dengan kerjasama Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan MAMPU.

"Kita gunakan kepakaran tempatan. KPIsoft Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat tempatan. Kita tak boleh katakan kita ada sensor lengkap dari segi kebocoran data peribadi dan sebagainya. Inilah usaha yang disebutkan secara jangka panjang untuk kita bangunkan dan sediakan sistem bagi serangan siber," katanya. - Bernama

